

30/06/2002

Sultan Johor puji ketokohan Mahathir

Ahmad Fauzi Mustafa

JOHOR BAHRU: Sultan Johor menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang Perdana Menteri Malaysia yang cekap, berwibawa dan bertanggungjawab sehingga berjaya melaksanakan langkah pemulihan ekonomi negara dengan berkesan.

Bertitah pada majlis perasmian pembukaan penggal persidangan keempat bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor ke-10 di sini, beliau turut mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri yang sentiasa memastikan keselamatan negara sentiasa terkawal dan mengukuhkan semula ekonomi negara ketika zaman kegawatan dulu.

Berlandaskan langkah pemulihan pro-aktif Dr Mahathir, Sultan Johor berkata, ekonomi negara dapat dipulih dan dijangka tumbuh pada kadar 3.5 peratus pada tahun ini berbanding 0.4 peratus pada tahun lalu.

"Di samping itu, keyakinan pengguna dan masyarakat perniagaan bertambah semula untuk memperkukuhkan permintaan dalam negeri.

"Kedudukan keseluruhan ekonomi dalam negeri adalah bertambah teguh dalam bidang perkhidmatan yang meningkat kepada 4.6 peratus dan bidang pembinaan pula bertambah sebanyak 2.9 peratus.

"Malah, kedudukan simpanan antarabangsa meningkat kepada RM124.5 bilion yang boleh membiayai enam bulan nilai dagangan masuk," katanya ketika berucap di Bukit Timbalan, di sini, semalam.

Hadir sama Tengku Mahkota Johor, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman serta barisan ahli majlis exco kerajaan negeri dan jemaah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

Sejajar dengan itu, Sultan Johor berkata, kerajaan negeri bertanggungjawab menentukan langkah pemulihan dapat diteruskan, di samping berusaha supaya kadar pertumbuhan dapat dicapai lebih tinggi.

"Langkah pertumbuhan ekonomi hendaklah lebih menyeluruh, adil dan seimbang serta menambah daya pengeluaran dalam semua bidang," katanya.

Sultan Johor juga mahu kerajaan negeri menarik lebih ramai pelabur asing dengan memberi keutamaan meningkatkan pembangunan kemudahan awam seperti menaik taraf lapangan terbang Senai sebagai pusat kargo selatan Semenanjung untuk menguasai perdagangan di rantau ini.

Di samping itu, beliau berkata, pembangunan pusat bandar Johor Bahru hendaklah dilengkapi dengan pembangunan pusat kastam dan imigresen serta penggantian Tambak Johor dengan jambatan baru, pembangunan laluan berkembar kereta api serta pembangunan Pelabuhan Tanjung Pelepas dilengkapi dengan perkhidmatan perkapalan bertaraf dunia.

Kerajaan negeri, menurut Sultan Johor, hendaklah terus melaksanakan rancangan pembangunan agama dan masyarakat ke arah membina ketahanan rakyat.

"Ini merangkumi usaha dakwah, akidah, pendidikan Islam, membudayakan al-Quran dan as-Sunnah di samping penghayatan nilai murni, pembangunan diri dan amalan memajukan diri di kalangan belia," katanya.

Sultan Johor juga tidak ketinggalan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Perdana Menteri yang memberi kerjasama dan sokongan kepada kerajaan negeri selain Abdul Ghani dan barisan pentadbirannya yang menjalankan tanggungjawab masing-masing.

(END)